

No. Rujukan : KUIPs/PEND./100.25/2015 (06)
Tarikh : 19 Jun 2015

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6/2015

Bendahari
Pemangku Ketua Pustakawan
Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Kolej Kediaman
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS

Assalamualaikum wbt,

Y.Bhg. Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs) SEMASA BULAN RAMADHAN 1436 HIJRAH

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIPs Bil. 4/2015 untuk meminda waktu bekerja semasa bulan Ramadhan 1426 Hijrah di Kolej Universiti Islam Perlis.

Cara Pelaksanaan

2. Sepertimana mengikut amalan pada tahun-tahun sebelum ini, Pihak Pengurusan Kolej Universiti bersetuju untuk meminda waktu bekerja semasa bulan Ramadhan 1436 Hijrah tertakluk kepada syarat-syarat berikut, iaitu:

- (a) pindaan untuk waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan 1436 Hijrah;
- (b) waktu bekerja yang dipinda ini akan berkuatkuasa mulai Pekeliling ini dikeluarkan dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadhan 1436 Hijrah;
- (c) mana-mana kakitangan boleh diminta oleh Ketua Jabatan masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini demi kepentingan perkhidmatan Kolej Universiti;



- (d) waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk tempoh seminggu.

Waktu Bekerja Yang Dipinda

3. Butir-butir waktu bekerja yang dipinda semasa bulan Ramadhan 1436 Hijrah adalah seperti berikut:

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi hingga 1.30 tengah hari 2.00 petang hingga 4.30 petang
Waktu Rehat	-	1.30 tengah hari hingga 2.00 petang
Jumaat	-	8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari 2.30 petang hingga 4.30 petang
Waktu Rehat	-	12.30 tengah hari hingga 2.30 petang

4. Semua Dekan/Pengarah /Ketua Jabatan adalah dipohon memberi kerjasama menyampaikan kandungan Pekeliling ini kepada semua kakitangan di Jabatan/Kolej masing-masing.

Sekian, harap maklum dan selamat menyambut Bulan Ramadhan kepada semua staf beragama Islam.

"SYUMUL, TAQWA DAN DINAMIK"

Yang menurut perintah,



(ROHANA BINTI ZAINOL)

Penolong Pendaftar Kanan

b/p Pendaftar

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

Salinan : Y.Bhg. Rektor
Bendahari
Pengarah Akademik
Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Ketua-ketua Jabatan